



## SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

### **Great Eastern Takaful dan Kembara Amal Ventures Jayakan Misi Bantuan Banjir**

*Kolaborasi Bermakna Bantu 200 Mangsa Banjir di Terengganu*

**13 Disember 2023, Kuala Lumpur** – Great Eastern Takaful Berhad (GETB) berkolaborasi dengan Kembara Amal Ventures untuk menjayakan Misi Bantuan Kemanusian Mangsa Banjir kepada 200 mangsa banjir di Dewan Kondo Rakyat Kuala Ibai, Terengganu. Program ini bertujuan untuk mengukuhkan misi Great Eastern Takaful untuk saling membantu mereka yang memerlukan dan pada kali ini, ia dilaksanakan bersama badan bukan kerajaan (NGO), Kembara Amal Ventures yang peka dan prihatin akan cabaran yang dilalui oleh mangsa banjir tersebut.

Majlis penyerahan bantuan yang bertempat di Menara Great Eastern ini menyaksikan pihak Great Eastern Takaful menyampaikan pek bantuan ‘Kotak Rezeki’ kepada wakil Kembara Amal Ventures yang mengandungi makanan harian seperti beras, bihun, kicap, makanan sedia dimakan dalam bentuk pes rendang, pes serbaguna, pes sambal serta makanan sedia dimasak dalam bentuk kiub masakan nasi ayam, telur masin, mee kari, rendang dan laksa. Bantuan seperti ini diharapkan dapat meringankan beban mangsa banjir serta memberi semangat untuk terus cekal dalam menghadapi dugaan ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Great Eastern Takaful, Encik Shahrul Azlan Shahriman berkata, “Sebagai pengendali takaful keluarga yang prihatin akan dugaan yang dihadapi oleh masyarakat, kami mengambil langkah proaktif untuk berkolaborasi dengan Kembara Amal Ventures untuk turut membantu mangsa banjir menghadapi waktu sukar ini. Kolaborasi seperti ini adalah antara inisiatif tanggungjawab sosial korporat kami di bawah teras GET-Care yang menitikberatkan kebajikan masyarakat setempat. Kami ingin mencapai kejayaan bersama para komuniti dan amat berbesar hati kerana dapat menyantuni mereka pada 15 Disember 2023 ini bersama badan amal yang tidak asing lagi dalam menyalurkan bantuan kemanusiaan kepada komuniti terkesan, Jabatan Kebajikan Masyarakat, wakil tempatan serta organisasi lain yang turut sama menghulurkan bantuan. Doa kami sentiasa bersama mereka semua dan semoga mereka diberikan semangat untuk bangkit semula dan meneruskan kehidupan seperti biasa.”

Pengasas Kembara Amal Ventures yang juga Pakar Motivasi Kepimpinan Diri, Keluarga dan Organisasi, Dr. Hjh. Azuraida Shahadan turut mengulas, “Kami terpanggil sekali lagi untuk berkerjasama dengan pihak Great Eastern Takaful dalam menjayakan Misi Bantuan Kemanusian Mangsa Banjir untuk membantu dan melihat sendiri cabaran yang dihadapi mereka terutamanya untuk memulihkan keadaan dan kediaman mereka pasca banjir. Pada masa yang sama, kami turut memberikan perhatian kepada isu banjir terkini yang melanda beberapa lokality dan turut berusaha untuk menyalurkan bantuan kepada

beberapa lagi kawasan yang terbabit. Diharapkan kolaborasi seumpama ini dapat diteruskan lagi demi memanfaatkan lebih ramai individu tidak hanya mangsa banjir tetapi juga masyarakat setempat yang memerlukan. Kami amat mengalu-alukan sebarang bantuan daripada badan korporat dan persendirian dan berbesar hati atas sumbangan yang disalurkan oleh pihak Great Eastern Takaful serta keterlibatan dari pelbagai pihak seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat, Pejabat Daerah, Mukim, Penghulu Kampung, Syarikat Ratu Fnb dan Beras Faiza”

Pasukan Misi Bantuan Kemanusiaan Banjir ini dijadualkan untuk menyantuni mangsa banjir pada 15 Disember 2023 dan akan membuat lawatan ke beberapa buah rumah yang terkesan banjir. Selain itu, kedua-dua pihak turut menyeru supaya lebih banyak badan korporat turut serta untuk menyalurkan bantuan memandangkan terdapat pelbagai lagi lokasi banjir yang telah dilaporkan dan memerlukan lebih perhatian daripada pelbagai pihak.

-TAMAT-

#### **MENGENAI GREAT EASTERN TAKAFUL BERHAD**

Great Eastern Takaful Berhad adalah syarikat usaha sama antara i Great Capital Holdings Sdn Bhd (i-Great), anak syarikat Great Eastern Holdings Limited dan Koperasi Angkatan Tentera (M) Berhad. Sejak ditubuhkan pada tahun 2010, Great Eastern Takaful komited dalam menyediakan produk perlindungan takaful keluarga komprehensif yang memberi perlindungan kesihatan dan kewangan patuh syariah dalam usahanya untuk merapatkan jurang perlindungan di kalangan rakyat Malaysia, termasuk kumpulan berpendapatan rendah (B40). Menzahirkan pendekatan Takaful untuk Semua, operasi perniagaan GETB disokong oleh pelbagai saluran pengedaran, rakan perniagaan korporat dan perbankan untuk terus mengukuhkan kedudukannya dalam industri dan memenuhi keperluan perlindungan para pelanggan.

Melangkaui operasi perniagaan, Great Eastern Takaful juga giat menjalankan pelbagai inisiatif tanggungjawab sosial yang memfokuskan pendidikan (GET-Pintar), pembangunan komuniti (GET-Care) dan kelastarian alam sekitar (GET-Green) demi membantu masyarakat memperoleh kualiti hidup yang lebih baik.

Aspirasi Great Eastern Takaful untuk mencapai kejayaan bersama rakyat Malaysia adalah terbukti melalui pelbagai anugerah dan pengiktirafan tempatan dan antarabangsa. Antara pengiktirafan terkini adalah anugerah “Pengendali Takaful Terbaik Malaysia 2022” oleh Global Business Outlook Awards dan pada tahun 2023, Great Eastern Takaful diiktiraf sebagai “Most Valuable Brand – Takaful Solutions” oleh The BrandLaureate BestBrands Awards, “Penyedia Penyelesaian Takaful Terbaik” oleh Global Islamic Finance Awards (GIFA) serta pelbagai anugerah Takaful Star Awards oleh Persatuan Takaful Malaysia. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.greateasterntakaful.com](http://www.greateasterntakaful.com).

Pihak Kerajaan juga telah melantik Great Eastern Takaful sebagai pengurus skim mySalam, yang merupakan skim perlindungan kesihatan nasional yang dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia.

**Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:**

Mastura Abd Rahim  
Penolong Naib Presiden – Penjenamaan & Komunikasi Korporat  
Great Eastern Takaful Berhad  
Tel : 016 - 209 234  
E-mel : [MasturaAbdRahim@greateasterntakaful.com](mailto:MasturaAbdRahim@greateasterntakaful.com)